**LATIHAN PENGUNGSIAN BANGUNAN DI ZON C4 (FKTM ZON A, FKTEN PAUH 2 DAN PKU), KAMPUS ALAM UNIMAP PAUH PUTRA**

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | 5 Jun 2024 (Rabu) |
| Masa | : | 10:00 pagi – 1:00 tengah hari |
| Tempat | : | Lokasi Latihan Pengungsian Bangunan- Zon C4, Kampus Alam UniMAP Pauh Putra<br>Lokasi Mesyuarat Penutup- Makmal FKTM A16 (Makmal Termodinamik) |

Agenda:

1. Kata aluan Komander Insiden zon C4
2. Latihan Pengungsian Bangunan
3. Demonstrasi memadam kebakaran
4. Mesyuarat Penutup
5. Penutup oleh Komander Insiden zon C4

| BIL. | PERKARA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| 1 | ***Kata aluan Komander Insiden zon C4***<br><br>• Mengucapkan selamat pagi dan mengalu-alukan kedatangan semua ahli Jawatankuasa Pengurusan Pasukan Tindak Balas Kecemasan (JPERT) zon C4, wakil pengurus KKP FKTM, PKU & FKTEN, wakil Pusat Pengurusan Keselamatan Kesihatan & Persekitaran Pekerjaan (COSHE), wakil Jabatan Pembangunan (JP), wakil Pusat Kesihatan Universiti (PKU), wakil Jabatan Keselamatan (JKes) dan wakil Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia yang hadir.<br>• Sebelum Latihan Pengungsian Bangunan boleh dilakukan, Mesyuarat Pelarasan dan Simulasi Table Top Exercise (TTX) telah diadakan sebelum ini.<br>• Komander insiden juga membentangkan dokumen-dokumen penting yang telah disediakan sebelum Latihan Pengungsian Bangunan dijalankan antaranya:<br>i. Carta JPERT di zon C4<br>ii. Pelan laluan kecemasan di zon C4<br>iii. Talian kecemasan<br>iv. Prosedur tindakan kecemasan & pengungsian bangunan<br>v. dan lain-lain | -<br><br>-<br><br>- |
| 2 | ***Latihan Pengungsian Bangunan C4***<br><br>• Latihan Pengungsian Bangunan di zon C4 dimulakan oleh Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia dan COSHE dengan diwujudkan lokasi kecemasan melalui letupan yang telah mengaktifkan penggera kebakaran di dalam Pusat Kesihatan Universiti (PKU) dan seorang mangsa yang terperangkap di dalamnya. | - |

| BIL. | PERKARA | TINDAKAN |
| --- | --- | --- |
| | • Komander insiden zon C4 telah mengaktifkan pasukan JPERT Zon C4 dan seterusnya mengarahkan proses pengungsian bangunan zon C4 dijalankan setelah penggera kebakaran berbunyi dan keadaan kecemasan tidak terkawal.<br>• Pasukan JPERT Zon C4 yang terdiri dari pasukan bantu mula, pasukan pemadam dan penyelamat, pasukan kawalan trafik dan pasukan ketua blok/aras telah mamainkan peranan sepatutnya semasa kejadian kecemasan kebakaran terjadi.<br>• Lokasi mangsa terperangkap dan lokasi letupan telah dimaklumkan kepada Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia oleh komander insiden dengan dibantu oleh ahli JPERT zon C4 yang lain.<br>• Latihan Pengungsian Bangunan tamat setelah mangsa diselamatkan dan lokasi letupan selamat setelah disahkan oleh Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia.<br>• Komander insiden zon C4 telah mengumumkan stand down dan semua peserta pengungsian bangunan zon C4 boleh bersurai dan kembali ke tempat kerja masing-masing. | -<br>-<br>-<br>-<br>- |
| 3 | ***Demonstrasi memadam kebakaran***<br>• Demonstrasi memadam kebakaran oleh Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia menggunakan alat pemadam api jenis serbuk kering telah diadakan setelah Latihan Pengungsian Bangunan selesai.<br>• Bahan api iaitu petrol yang dimasukkan kedalam bekas tong drum khas telah digunakan semasa sesi demonstrasi tersebut.<br>• Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia memberi peluang beberapa peserta yang terlibat dalam Latihan Pengungsian Bangunan untuk mencuba menggunakan alat pemadam api tersebut. | -<br>-<br>- |
| 4 | ***Mesyuarat Penutup***<br>• Mesyuarat penutup dimulakan oleh wakil Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia dengan menyatakan Latihan Pengungsian Bangunan Zon C4 berjalan dengan baik dan ahli JPERT zon C4 tahu peranan masining-masing secara umumnya.<br>• Penggera kecemasan berbunyi dengan baik dan pengumuman kecemasan kebakaran oleh JPERT melalui pembesar suara bangunan juga jelas kedengaran.<br>• Kawalan lalulintas juga baik dan memudahkan jentera bomba sampai ke lokasi kebakaran.<br>• Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia memberi cadangan agar JPERT Zon C4 dapat membuat *headcount* di tempat pengumpulan semasa proses pengungsian bangunan dijalankan.<br>• Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia juga memberi cadangan agar JPERT Zon C4 boleh melihat panel kawalan utama *(Main Fire Alarm Panel)* untuk mengetahui lokasi penggera kebakaran berbunyi.jika tidak dapat mengenalpasti dengan segera lokasi penggera tersebut.<br>• JKes memaklumkan lalulintas sekitar lokasi kecemasan kebakaran yang dikawal oleh ahli JPERT berada dalam keadaan baik dan memudahkan jentera bomba melaluinya.<br>• JKes juga memaklumkan terdapat segelintir penghuni Zon C4 yang masih kekal berada di medan selera semasa proses pengungsian bangunan dijalankan walaupun arahan pengungsian bangunan telah dibuat kemungkinan disebabkan lokasi tempat pengumpulan terletak bersebelahan medan selera tersebut.<br>• PKU memaklumkan semua pesakit atau penghuni didalam bangunan PKU sendiri akan dikosongkan semasa proses pengungsian bangunan Zon C4 dijalankan semasa kejadian kecemasan.<br>• Pengurus JKKP FKTM menyatakan terdapat penambahbaikkan yang boleh dilakukan kepada JPERT Zon C4 seperti keperluan penambahan ahli pasukan kawalan trafik bagi mengawal trafik laluan pejalan kaki sekitar zon C4, keperluan pembelian 2 loud hailer bagi pasukan ketua blok/aras bagi membantu memudahkan proses pengumpulan penghuni di tempat pengumpulan, keperluan pembelian alat | -<br>-<br>-<br>JPERT<br>JPERT<br>-<br>JPERT<br>JPERT<br>JPERT/ JKKP FKTM |

| BIL. | PERKARA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | pelindung diri (*Personal Protective Equipment,PPE*) yang bersesuaian jika diperlukan kepada pasukan pemadam dan penyelamat dan lain-lain.<br>• COSHE menjelaskan bunyi penggera kecemasan dan pengumuman melalui PA sistem juga jelas kedengaran dilokasi kejadian kecemasan.<br>• COSHE meminta pihak JPERT zon C4 mengambil maklum komen yang diberi oleh agensi berkaitan dan COSHE akan menyerahkan salinan 'softcopy' komen rasmi agensi berkaitan kepada JPERT selepas ini.<br>• Komander Insiden memaklumkan ahli JPERT memerlukan sedikit masa untuk mengenalpasti lokasi mangsa terperangkap dan juga lokasi kejadian kecemasan (letupan) disebabkan penggera kecemasan berbunyi tanpa kelihatan asap kebakaran dari letupan tersebut di lokasi kecemasan.<br>• Komander Insiden juga memaklumkan *headcount* akan dibuat selepas ini seperti tahun 2023 dimana menggunakan kertas A4 bagi merekodnya semasa proses pengumpulan penghuni di tempat pengumpulan ketika pengungsian bangunan dilakukan.<br>• Komander Insiden juga berkata, Jika mempunyai budget, penggunaan loud hailer akan digunakan selepas ini bagi melancarkan proses pengumpulan di tempat berkumpul semasa pengungsian bangunan dilakukan. | -<br>JPERT<br>-<br>JPERT<br>JPERT/ JKKP FKTM |
| 5 | ***Penutup oleh Komander Insiden zon C4***<br>• Ucapan terima kasih atas kerjasama, cadangan dan pandangan yang diberikan oleh pihak COSHE, Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia, Jabatan Pembangunan (JP) dan Jabatan Keselamatan (JKes) untuk Latihan Pengungsian Bangunan Zon C4 yang dijalankan.<br>• Mesyuarat penutup ditangguhkan pada jam 1:00 tengah hari. | -<br>- |

Disediakan oleh:

MASRI ZAIRI BIN MOHD ZIN
PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (FTKM)
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
Email : masrizairi@unimap.edu.my

(En. Masri Zairi Mohd Zin)

Komander Insiden Zon C4

Disahkan oleh:

(Ts. Dr. Tan Wee Choon)

Pengurus JPKPKP FKTM

DR. TAN WEE CHOON
Senior Lecturer
Mechanical Engineering Programme
Faculty of Mechanical Engineering Technology
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
Email : tweechoon@unimap.edu.my

| PTJ | MASA | TARIKH | | UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS |
|---|---|---|---|---|
| PUSAT PENGURUSAN KESELAMATAN, KESIHATAN & PERSEKITARAN PEKERJAAN (COSHE) | 10.00 PAGI | 05/06/2024 | | |
| PERKARA | | Muka Surat Mula | Muka Surat Akhir | |
| LATIHAN PENGUNGSIAN BANGUNAN ZON C4 (FKTM, FKTEN DAN PKU), KAMPUS ALAM UniMAP PAUH PUTRA | | 1 | 2 | |

## SENARAI KEHADIRAN

| BIL | NAMA | NO TELEFON | PTj | JAWATAN | TANDATANGAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Shariffah Zariman | 012-4539120 | FKTEN | PLV | |
| 2. | NOOR FAZREEN | 012 4394133 | " | " | |
| 3. | MOHDMAD FAIZAL | 0115537345 | PKU | PPF | |
| 4. | M. RIDZUAN M. NOOR | 016-7719681 | FKTEN | PLU | |
| 5. | AHMAD ASHRAF ABDUL HALIM | 017 6351485 | FKTEN | PENSYARAH | |
| 6. | MOHD NAZRY MAT NAYAN | 0124804077 | FKTM | PEN. JURUTERA | |
| 7. | Ts. NARYRREZAL ABD RAZAK | 012-4354394 | FKTM | P. JURUTERA | |
| 8. | [illegible] | [illegible] | JABATAN KESELAMATAN | PENGAWAL KESELAMATAN | |
| 9. | FARID MUHAMAD | 016-4118627 | " | PPK | |
| 10. | ZAINURIN ZULKIPLI | 0185724934 | " | PENGAWAL KESELAMATAN | |
| 11. | MOHAMAD HAZIRUL B. ONI | 0174564671 | " | PENGAWAL KESELAMATAN | |
| 12. | | | | | |
| 13. | | | | | |